

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN JONATHAN YASIN  
[ RANAU ]**

**TARIKH** : **4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 113**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan yang telah dan sedang diambil untuk mengusir keluar semua penduduk tanpa izin di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan melalui pelbagai agensi yang berkaitan telah mempergiatkan usaha menangani permasalahan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di seluruh negara. Dalam urusan pengusiran PATI di negeri Sabah, statistik operasi pengusiran PATI sehingga 1 Julai 2019 mencatatkan seramai 584,213 orang PATI telah diusir sejak tahun 1990.
2. Selain daripada itu, penguatkuasaan undang-undang serta operasi pembenterasan PATI giat dilaksanakan. Sehingga 1 Julai 2019, operasi bersepadu yang telah dijalankan di negeri Sabah sepanjang 2019 telah mencatatkan bilangan operasi sebanyak 4,650 kali dengan pemeriksaan terhadap 14,288 orang dan penahanan PATI seramai 2,686 orang.
3. Selain daripada operasi-operasi yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan, kaedah penyenaian hitam (*blacklist*) oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada PATI yang telah diusir adalah salah satu langkah pembendungan kemasukan mereka semula ke Malaysia. Selain

daripada itu, kawalan persempadanan di bahagian pantai timur negeri Sabah telah dipertingkatkan dengan pewujudan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Langkah ESSCOM melaksanakan perintah berkurung di kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) telah membantu mengurangkan kes-kes penyeludupan termasuklah penyeludupan manusia.

4. Di samping tindakan-tindakan di atas, kerajaan juga berusaha memfokuskan ke arah mengurangkan faktor penolak atau *push factor* yang membuatkan ramai PATI membanjiri negeri ini, iaitu kadar kemiskinan yang tinggi di Selatan Filipina dan Indonesia. Kerajaan berpegang kepada prinsip memakmurkan jiran atau “Prosper Thy Neighbor”, iaitu memberi sokongan terhadap usaha memajukan ekonomi dan usaha damai di Filipina terutamanya di bahagian Selatan dan juga Indonesia. Komitmen memberi sokongan ini telah diutarakan sendiri oleh YAB Perdana Menteri kepada Mr. Rodrigo Duterte, Presiden Filipina semasa lawatan beliau ke Manila pada 7 Mac 2019. Kemajuan ekonomi di tempat-tempat berkenaan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya memperbaiki taraf hidup penduduk di sana, dan diharapkan kadar migrasi PATI ke negeri Sabah juga berkurangan.

5. Kerajaan memberikan jaminan usaha yang dijalankan pada masa kini akan diteruskan bagi memastikan permasalahan berkaitan PATI di negeri Sabah mampu dibendung dengan lebih efektif dan sistematik.

Sekian, terima kasih.